

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) Mengatasi masalah kekurangan peralatan IT terutama komputer bagi sekolah luar bandar dan juga sekolah dalam bandar ; dan
- b) Bercadang membenarkan sekolah atau PIBG sekolah mengutip sumbangan daripada ibu bapa bagi tujuan membina kelas komputer.

JAWAPAN

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan sekolah-sekolah mempunyai akses kepada peralatan ICT yang memenuhi keperluan kurikulum serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kementerian juga daripada masa ke masa melaksanakan *device refresh* bagi menambahbaik ataupun membuat perolehan baharu untuk menggantikan peralatan ICT yang *beyond economic repair*.

KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama ialah meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti oleh murid sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

(b) Sebarang pembinaan bangunan baharu atau penambahan bilik-bilik khas termasuk kelas komputer di sekolah kerajaan perlu mendapat kelulusan daripada KPM. Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Pendidikan KPM akan meneliti permohonan sekolah melalui JPN berdasarkan keperluan dan kriteria yang ditetapkan termasuk mengenal pasti sumber kewangan.

Bagi maksud Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mengutip apa-apa sumbangan daripada ibu bapa, perlu mendapat persetujuan ibu bapa dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PIBG. Keputusan mesyuarat tersebut perlu dipanjangkan kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk kelulusan. Pengarah Pendidikan Negeri sebagai Pendaftar Negeri bertanggungjawab memastikan sebarang keputusan yang dibuat tidak membebankan ibu bapa serta ibu bapa tidak boleh dipaksa memberi apa-apa sumbangan.

Pada masa ini, pihak sekolah boleh melaksanakan kelas komputer melalui penubuhan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah di bawah aktiviti kokurikulum dan boleh dikenakan bayaran berdasarkan surat pekeliling ikhtisas berikut:

a) Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 13/2007 Pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan dan Kemudahan di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan; dan

b) Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 8/2000 Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran yang bakal berlaku akibat berlakunya perubahan sistem automasi pekerja dalam skala besar bagi masa yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini, Dasar *Industry4WRD* telah diperkenalkan pada tahun 2018 yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat *Technical Working Group-Skills* di bawah *Industry4WRD*. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya seperti:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi, yang menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;

- (iii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu; dan
- (iv) memperluas akses kepada warganegara untuk mendapatkan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri.

Kesimpulannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mewujudkan pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan Industri 4.0.

Sekian, terima kasih.